

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

HKP 213 Penulisan Kreatif I

Masa: [2 jam]

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA(5) soalan dalam SATU(1) muka surat.

Jawab TIGA(3) soalan. Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Sebuah novel adalah sebuah cereka. Cuba anda huraikan makna cereka terutama dalam hubungan dengan idealisme, realiti, imaginasi dan estetika.
2. Salah satu elemen yang terpenting dalam komposisi novel ialah kaedah menghidupkan manusia; terutama kehidupan dalam berbagai pengalaman yang berkaitan. Cuba anda huraikan beberapa kaedah untuk merealisasikan aspek ini dalam penciptaan sesebuah novel yang bermutu tinggi.
3. Dalam beberapa hal, suasana memainkan peranan penting menghidupkan cerita dalam sesebuah novel. Apakah yang dimaksudkan dengan suasana ini dan cuba anda terangkan bagaimana suasana ini boleh diwujudkan dalam sesebuah novel.
4. Gaya bahasa yang indah memperlihatkan keahlian pengarang mengeksploitkan bahasa seluas mungkin tanpa menyalahi tatabahasa demi untuk memperjelaskan maksud dan juga untuk mencapai kesan-kesan estetika melalui berbagai gambaran, pemikiran, perwatakan, plot, latar dan sebagainya. Bincangkan.
5. Setujukah anda kalau dikatakan bahawa sebuah novel yang baik perlu meninggalkan kesan jihad dan tarbiyah bila selesai membacanya? Bincangkan.

-ooo000ooo-